



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	24/11/2020	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

UTUSAN EKONOMI > 24/11/2020 m/s 36

Amaran salah guna tanda dagangan TNB

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
kusyafiq.fozi@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan orang ramai supaya tidak menyalahgunakan nama, logo dan tanda dagangannya dalam apa jua bentuk.

Menurut TNB, nama 'Tenaga Nasional Berhad' dan logonya adalah tanda dagangan berdaftar syarikat itu menurut Akta Cap Dagangan 2019.

"Oleh itu, sebarang penggunaan tanda dagangan oleh orang ramai perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada TNB.

"TNB berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sewajarnya terhadap mana-mana syarikat dan/atau individu yang melanggar hak atau menyalahguna nama dan logonya.

"Mana-mana individu yang melanggar hak atau menyalahguna nama dan logo TND dalam apa jua bentuk dinasihatkan untuk segera berhenti berbuat demikian," kata syarikat itu dalam kenyataan di sini semalam.

TNB turut menggesa orang ramai yang tahu tentang pelang-



TNB memberi amaran akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang menyalahgunakan tanda dagangannya.

garan hak atau penyalahgunaan tanda dagangannya supaya memaklumkan perkara tersebut menerusi e-mel GCC.Trademark@tnb.com.my.

"TNB juga ingin menasihatkan orang ramai agar tidak mendapatkan perkhidmatan daripada mana-mana syarikat yang mendakwa telah memperoleh persetujuan atau dilesenkan oleh TNB untuk membantu pendaftaran, pemba-

haruan sijil dan mengemas kini maklumat vendor menerusi laman webnya yang tidak mempunyai kebenaran www.e-tnb.com.my dan www.e-vendor.com.my.

"TNB tidak pernah melantik mana-mana syarikat atau pihak lain sebagai ejen untuk melakukan proses pendaftaran, pembaharuan sijil atau kemas kini profil bagi vendor, pembekal dan kontraktor," katanya.